

Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik

(Knowledge, Skills and Attitudes of History Teachers Towards the Implementation of the Final Test of the Academic Session)

Dhayaalhan Kumaran^{1*}, Mohd Mahzan Awang², Norasmah Othman³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p118771@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: mahzan@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: lin@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Dhayaalhan Kumaran
(p118771@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pengetahuan
Kemahiran
Sikap
Guru Sejarah
Ujian Akhir Sesi Akademik
(UASA)

KEYWORDS:

Knowledge
Skills
Attitude
History Teachers
Final Test of the Academic
Session

CITATION:

Dhayaalhan Kumaran, Mohd Mahzan Awang, & Norasmah Othman. (2024). Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002680.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2680>

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan pentaksiran berbentuk sumatif yang ditakrifkan sebagai Ujian Akhir Sesi Akademik bagi kalendar akademik 2022/2023. Kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran UASA perlu dititikberatkan kerana guru adalah agen pelaksana yang utama di peringkat sekolah. Kajian ini menjurus kepada penilaian tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA. Selanjutnya, kajian ini dilaksanakan bagi menentukan hubungan antara aspek pengetahuan dan sikap pelaksanaan pentaksiran UASA. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini dilaksanakan berdasarkan data yang diperolehi daripada borang soal selidik yang ditadbirkan secara dalam talian. 136 guru Sejarah sekolah rendah yang berkhidmat di daerah Bangsar/Pudu, Kuala Lumpur dijadikan sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi daripada responden dianalisis dengan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 29.0. Hasil kajian menonjolkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna para guru Sejarah di sekolah rendah telah bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pentaksiran UASA dengan berkesan. Hasil ujian korelasi pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara aspek pengetahuan dengan sikap guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran UASA. Hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dalam merangka strategi untuk meningkatkan kesediaan guru terhadap pentaksiran UASA.

ABSTRACT

The Ministry of Education (MOE) has introduced a summative assessment known as the Final Test of Academic Session for the 2022/2023 academic calendar. The readiness of teachers in implementing the UASA assessment should be emphasized as the teacher is the main implementing agent at the school level. Hence, this study was mainly to determine the level of knowledge, skills and attitudes of History teachers towards the implementation of UASA assessment. In addition, this study also plays an important role to identify the relationship between the knowledge and attitudes towards UASA assessment implementation. This study was conducted based on survey design method and a questionnaire as an instrument of study administered online. 136 History teachers who served in primary schools around Bangsar/Pudu district, Kuala Lumpur were used as sample studies. Data obtained from respondents was analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 29.0 software. The results demonstrate that the level of knowledge, skills and attitudes of the History teacher is high. This shows that History teachers in primary schools are fully prepared to effectively conduct the UASA assessment. The result of the Pearson correlation test indicates that there is a strong and significant relationship between the knowledge aspect and the attitude of the History teacher in conducting the UASA assessment. The results of this study play an important role for the MOE, State Education Department (JPN) and the Malaysian Examination Board (LPM) in formulating strategies to improve teachers' readiness for UASA assessment.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada bahan literatur sedia ada dengan menambah lagi bahan rujukan mengenai pelaksanaan pentaksiran UASA dalam mata pelajaran Sejarah. Dokumen kajian ini membuktikan bahawa guru-guru Sejarah telah bersedia untuk melaksanakan pentaksiran UASA dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.

1. Pengenalan

Pentaksiran adalah sebahagian daripada aktiviti bilik darjah yang bertujuan untuk menilai dan membantu murid meningkatkan tahap pencapaian ([Gebremariam & Gedamu, 2023](#)). Pentaksiran melibatkan pemerolehan bukti melalui penyooalan seperti ujian dan tinjauan. Hasil keputusan tersebut akan digunakan oleh guru untuk membuat keputusan instruksional. Dalam sistem pendidikan negara, pentaksiran dilihat sebagai salah satu langkah bagi menilai dan mendapatkan maklumat tentang pencapaian murid dalam setiap aspek ([Halimah & Rozita, 2019](#)). Menurut [Lembaga Peperiksaan \(2014\)](#), pentaksiran merupakan proses pengukuran prestasi pembelajaran yang melibatkan aktiviti seperti mengumpul, menghurai, merekod dan memberi markah serta mentafsirkan maklumat mengenai perkembangan murid dalam topik tertentu dan topik secara menyeluruh. Pentaksiran merupakan alat pengukur sejauh mana prestasi akademik murid selepas mengikuti sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dikendalikan oleh guru.

Selaras dengan perkembangan terkini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengatur pelbagai strategi sebagai usaha memperkasakan amalan pentaksiran. Misalnya, KPM memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang menjurus kepada penilaian aspek kognitif, afektif dan psikomotor. KPM juga memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang lebih menekankan penilaian terhadap penguasaan murid pada akhir sesuatu topik ataupun kemahiran dan penguasaan tersebut direkodkan dalam bentuk Tahap Penguasaan 1 hingga 6. Menyedari keperluan pentaksiran berbentuk sumatif KPM telah memperkenalkan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) yang merupakan pentaksiran berbentuk sumatif yang dijalankan pada akhir kalendar akademik. Pentaksiran UASA ini telah mula dilaksanakan pada Januari 2023 bagi kalendar akademik 2022/2023 bagi mentaksir hasil pembelajaran murid sepanjang sesi persekolahan bagi tahun tersebut (Zanariah, 2022).

Transformasi dalam amalan pentaksiran ini akan memberi impak yang besar terhadap standard sistem pendidikan negara. Sehubungan itu, guru memainkan peranan yang dominan dalam melaksanakan pembelajaran dan pentaksiran secara berkesan. Tahap kesediaan guru amat penting apabila sesuatu pelan tindakan baharu diimplementasikan dalam sistem pendidikan. Menurut Hall dan Hord (2011), seorang guru akan menganggap diri mereka sebagai guru novis walaupun telah lama berkhidmat dan berpengalaman apabila berlaku perubahan dalam kurikulum. Hal ini berlaku kerana apabila berlaku sesuatu perubahan guru perlu mempelajari semula pengetahuan dan kemahiran yang baru supaya mereka dapat melaksanakan perubahan tersebut.

Pelaksanaan pentaksiran berbentuk sumatif yang dijenamakan semula sebagai UASA bukanlah perkara baharu dalam sistem pendidikan Malaysia. Sebelum dimansuhkan pada 2021, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) merupakan satu bentuk pentaksiran sumatif yang telah digunakan KPM sejak 1988 bagi sekolah rendah. Namun begitu, kajian yang dijalankan Amie dan Ruhizan (2019) menyatakan guru masih berada pada tahap yang sederhana dari segi pengetahuan dan kesediaan dalam melaksanakan pentaksiran. Dapatan ini juga disokong oleh Nurul Huda dan Anuar (2022) dalam kajian mereka yang mendapati bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran masih pada tahap sederhana. Titik tolak daripada itu, adakah guru-guru sejarah di sekolah rendah benar-benar bersedia untuk melaksanakan pentaksiran UASA?

Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk menentukan kesediaan guru terhadap UASA kerana ia merupakan perubahan yang baharu dalam sistem pendidikan negara dan belum ada lagi kajian berkenaan pentaksiran UASA dibuat di Malaysia. Lantaran, kajian ini dilaksanakan bagi :

- i. Meninjau tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dari segi pengetahuan dalam melaksanakan pentaksiran UASA.
- ii. Mengukur tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dari segi kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran UASA.
- iii. Menilai tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dari segi sikap dalam melaksanakan pentaksiran UASA.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara aspek pengetahuan dengan sikap guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan pentaksiran UASA.

2. Sorotan Literatur

2.1 Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran UASA

Menurut [Ng et al. \(2023\)](#), guru harus memiliki pengetahuan yang mendalam bagi merancang dan melaksanakan pentaksiran secara berkesan dalam bilik darjah. Guru yang berpengetahuan tinggi dapat membimbing murid secara berterusan dalam meningkatkan tahap pencapaian menerusi proses pentaksiran. Namun begitu, guru menghadapi cabaran yang besar untuk menyesuaikan diri apabila berlaku perubahan dalam amalan pentaksiran akibat kekurangan pengetahuan ([Mahaya et al., 2019](#)). [Sh. Siti Hauzimah \(2019\)](#) yang menyelidik tentang kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD berpendapat bahawa pengetahuan guru amat tinggi dan sekolah di kawasan pedalaman tidak menghalang guru untuk melaksanakan PBD dengan mantap. Hasil kajian ini seiring kajian yang dilaksanakan [Mazarul et al. \(2021\)](#) yang mengemukakan bahawa tahap pengetahuan guru di Daerah Klang terhadap pentaksiran berada pada tahap tinggi. Meskipun begitu, dapatan ini bercanggah dengan kajian [Nurul Huda dan Anuar \(2022\)](#) yang dilakukan dengan melibatkan 150 guru Sejarah di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bagi menentukan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD. Hasil daripada kajian mereka didapati bahawa tahap pengetahuan guru Sejarah dalam melaksanakan PBD masih berada pada tahap yang sederhana ([Nurul Huda & Anuar, 2022](#)).

2.2 Kemahiran Guru Terhadap Pentaksiran UASA

Menurut [Aniza dan Zamri \(2015\)](#), guru perlu memiliki tahap kemahiran yang tinggi agar dapat melaksanakan pentaksiran dengan berkesan. Menurut [Ng et al. \(2023\)](#), masih terdapat guru yang belum mahir dalam merancang dan melaksanakan pentaksiran kerana kekurangan bimbingan yang betul. Hal ini disokong oleh [Nurul Huda dan Anuar \(2022\)](#) yang berpendapat bahawa tahap kemahiran guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran masih berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan [Amie dan Ruhizan \(2019\)](#) yang turut melaporkan bahawa kesediaan guru Sejarah yang berkhidmat di daerah Padawan, Sarawak berada pada tahap yang sederhana. Namun begitu kajian yang dilaksanakan oleh [Mohd Safarin dan Nur Hidayah \(2014\)](#) yang menjalankan kajian mengenai kesediaan guru terhadap PBS melaporkan bahawa guru-guru telah melengkapkan diri mereka dengan segala kemahiran yang diperlukan.

2.3 Sikap Guru Terhadap Pentaksiran UASA

Menurut [Suhaida dan Shahabuddin \(2022\)](#), selain dari memiliki pengetahuan yang luas guru juga perlu sentiasa memiliki sikap yang positif bagi menjamin keberkesanan amalan pengajaran di dalam kelas. Kajian yang dilakukan [Sh. Siti Hauzimah \(2019\)](#), mendapati guru-guru yang berkhidmat di pedalaman memiliki tahap sikap yang tinggi terhadap pelaksanaan PBD. Meskipun demikian, dapatan kajian ini menonjolkan bahawa para guru menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam pentaksiran seperti kekangan masa dan bebanan tugas. Walaupun begitu, warga guru masih menunjukkan kecenderungan yang positif dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah dan bersedia untuk menghadapi cabaran. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh [Mohd Safarin dan Nur Hidayah \(2014\)](#) membuktikan bahawa guru menunjukkan sikap yang positif terhadap pentaksiran dan telah bersedia untuk melaksanakannya semasa mengajar di bilik darjah. Namun begitu, kajian [Nurul Huda dan Anuar \(2022\)](#) melaporkan bahawa kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran masih berada pada tahap sederhana. Kajian-

kajian lepas banyak memfokuskan tentang kesediaan guru dalam melaksanakan PBD dan PBS sahaja (Amie & Ruhizan, 2019; Sh. Siti Hauzimah, 2019; Kausalya & Faridah, 2022; Nurul Huda & Anuar, 2022; Ng et al., 2023). Kajian yang memfokuskan kepada kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran UASA belum diberi tumpuan lagi.

3. Metod Kajian

Kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan. Menurut Creswell (2014), kaedah tinjauan adalah pendekatan yang paling sesuai bagi mendapatkan gambaran tentang sesuatu fenomena melibatkan jumlah populasi yang ramai. Populasi bagi kajian ini ialah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah sekitar daerah Bangsar Pudu, Kuala Lumpur. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar Pudu bilangan populasi yang dikenalpasti adalah seramai 223 orang. Maka, sebanyak 136 orang guru telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah berpandukan Jadual Pensampelan Krejcie dan Morgan (1970).

Berdasarkan reka bentuk yang dipilih borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A (Maklumat Demografi), Bahagian B (Pengetahuan Responden), Bahagian C (Kemahiran Responden) dan Bahagian D (Sikap Responden). Bahagian A bertujuan untuk mengumpul latar belakang responden seperti jantina, opsyen dan pengalaman mengajar. Responden dikehendaki melengkapkan kenyataan yang bertepatan dengan diri mereka. Bahagian B mengandungi 10 item yang menguji tahap pengetahuan responden terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA. Item-item dalam bahagian ini diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian yang dilaksanakan oleh Sh. Siti Hauzimah (2019) mengenai pengetahuan, sikap, kemahiran dan masalah yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan PBD mata pelajaran Bahasa Melayu. 10 item dalam Bahagian C pula menguji tahap kemahiran responden terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA. Bahagian D pula mengandungi 10 item yang menguji tahap sikap responden terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA. Item-item dalam bahagian C dan D diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian mengenai kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam PdPc yang dilaksanakan oleh Nurul Huda dan Anuar (2022). Kesemua item soalan diuji menggunakan skala Likert lima pilihan bagi memberi ruang kepada responden untuk mengemukakan pendapat secara neutral antara dua ekstrem iaitu "setuju" dan "tidak setuju" (Chua, 2012).

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian telah diuji kesahannya melalui semakan pakar. Pengkaji telah menghantar borang soal selidik kepada seorang pakar bidang di sekolah rendah dan seorang Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk semakan. Berdasarkan maklum balas pakar tersebut penyelidik telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengubah item-item yang tidak menepati objektif kajian. Kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan dalam soal selidik diuji berdasarkan kajian rintis yang melibatkan 30 orang guru sekolah rendah yang tidak terlibat dengan kajian sebenar. Dapatan kajian rintis telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 29.0. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi bagi 30 item secara keseluruhan dalam soal selidik ini ialah 0.98. Menurut Bond dan Fox (2015), alat ukuran dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi apabila mempunyai nilai alfa cronbach (α) melebihi 0.80. Ini bermakna soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk digunakan mengumpul data daripada responden kajian.

Maklum balas yang diperoleh daripada responden kajian telah dianalisis secara sistematik dengan menggunakan perisian SPSS versi 29.0. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk mencapai objektif kajian yang diutarakan. Statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan kesediaan guru sejarah terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA dalam bentuk min dan sisihan piawai (SP). Statistik inferensi pula digunakan bagi menentukan hubungan antara pengetahuan dengan sikap guru sejarah terhadap pentaksiran UASA dalam bentuk korelasi pearson. [Jadual 1](#) menunjukkan nilai skor min bagi menentukan tahap kesediaan responden bagi setiap konstruk yang dirujuk daripada kajian [Nur Fatahiyah dan Siti Nur Diyana \(2020\)](#).

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan terhadap pentaksiran UASA

[Jadual 2](#) melaporkan tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA dalam bentuk min dan SP. Daripada data yang diperoleh, didapati tahap pengetahuan guru Sejarah berada pada tahap yang tinggi (4.17, s.p 0.557). Ini bermakna, guru-guru Sejarah sudah melengkapkan pengetahuan mereka tentang pelaksanaan pentaksiran UASA. Berdasarkan [Jadual 2](#), peratus persetujuan responden untuk setiap item dilihat lebih cenderung kepada skala Setuju dan Sangat Setuju. Sebagai contohnya, item B3 '*Saya faham bahawa pelaksanaan UASA melibatkan mata pelajaran teras termasuk Sejarah*' mendapat peratus persetujuan yang tinggi iaitu sebanyak 90.4% (peratus Setuju=55.1% dan peratus Sangat Setuju=35.3%).

Jadual 2 : Menunjukkan taburan kekerapan dan peratus bagi aspek pengetahuan

Item	Konstruk Tahap Pengetahuan	STS % (Bilangan)	TS % (Bilangan)	KS % (Bilangan)	S % (Bilangan)	SS % (Bilangan)
B1	Saya faham bahawa UASA merupakan salah satu elemen PBD.	0 % (0)	0% (0)	18.4% (25)	47.1% (64)	34.6% (47)
B2	Pelaksanaan UASA adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dalam buku Pelaksanaan PBD Edisi Kedua.	0% (0)	0% (0)	14% (19)	55.9% (76)	30.1% (41)
B3	Saya faham bahawa pelaksanaan UASA melibatkan mata pelajaran teras termasuk Sejarah.	0% (0)	0.7% (1)	8.8% (12)	55.1% (75)	35.3% (48)

B4	Saya jelas bahawa UASA bukan pentaksiran berpusat.	0.7%	0%	14%	52.9%	32.4%
		(1)	(0)	(19)	(72)	(44)
B5	UASA bertujuan untuk mengukur kemahiran kognitif murid pada akhir sesi akademik.	0%	0%	14%	55.1%	30.9%
		(0)	(0)	(19)	(75)	(42)
B6	UASA dapat membantu guru untuk merancang dan melaksanakan intervensi bagi meningkatkan kemajuan murid.	0%	0%	14.7%	53.7%	31.6%
		(0)	(0)	(20)	(73)	(43)
B7	Instrumen pentaksiran UASA disediakan oleh KPM bagi mata pelajaran Sejarah.	0%	0%	11%	55.1%	33.8%
		(0)	(0)	(15)	(75)	(46)
B8	Saya tahu bahawa skrip jawapan murid perlu disemak berdasarkan panduan penskoran yang disediakan oleh KPM.	0%	0%	10.3%	61.0%	28.7%
		(0)	(0)	(14)	(83)	(39)
B9	Skrip jawapan murid yang ditanda perlu melalui moderasi penskoran secara rawak.	0%	0%	15.4%	58.8%	25.7%
		(0)	(0)	(21)	(80)	(35)
B10	Saya mengetahui bahawa skor murid bagi UASA perlu dilaporkan dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB).	0%	0%	17.6%	52.9%	29.4%
		(0)	(0)	(24)	(72)	(40)
	Purata Min		4.17			
	Purata SP		0.557			
	Tahap Interpretasi		Tinggi			

Dapatan ini, selaras dengan kajian [Fara Izzati dan Siti Rahaimah \(2021\)](#) yang melaporkan tahap kefahaman guru matematik mengenai pentaksiran berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu kajian yang dilaksanakan oleh [Nurul Huda dan Anuar \(2022\)](#) mendapati tahap pengetahuan guru Sejarah dalam menjalankan pentaksiran masih berada pada tahap yang sederhana. Menurut [Kalai Selvan \(2020\)](#), bagi menjamin kejayaan pentaksiran tahap pengetahuan guru perlu dititikberatkan kerana mereka adalah agen utama dalam pelaksanaan kurikulum. Oleh hal yang demikian, guru-guru perlulah sentiasa menghadiri kursus, bengkel dan latihan yang berkaitan untuk meningkatkan tahap kompetensi mereka dalam melaksanakan pentaksiran.

4.2. Tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek kemahiran terhadap pentaksiran UASA

Jadual 3 memaparkan tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek kemahiran terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA dalam bentuk min dan SP. Hasil daripada data yang diperolehi, didapati tahap kemahiran guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran

UASA berada pada tahap yang tinggi (4.15, s.p 0.538). Ini menjelaskan bahawa guru-guru Sejarah sememangnya sudah memiliki kemahiran yang mencukupi dalam melaksanakan pentaksiran dengan berkesan. Berdasarkan [Jadual 3](#), peratus persetujuan responden bagi skala Setuju dan Sangat Setuju adalah sangat tinggi bagi setiap item. Misalnya, item C5 'Saya mahir dalam merekod dan mencatat pencapaian murid secara sistematik bagi mata pelajaran Sejarah' mendapat peratus persetujuan yang tinggi iaitu sebanyak 89% (peratus Setuju=56.6% dan peratus Sangat Setuju=32.4%).

Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan [Sh. Siti Hauzimah \(2019\)](#), yang mengkaji tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran. Pengkaji melaporkan tahap kesediaan guru dari segi kemahiran berada pada tahap yang tinggi bagi semua item yang diuji. Ini membuktikan bahawa, guru-guru di sekolah memiliki kemahiran yang mencukupi dan telah bersedia untuk melaksanakan pentaksiran dengan berkesan. Menurut [Aniza dan Zamri \(2015\)](#), kemahiran seorang guru dalam melaksanakan pentaksiran perlulah dipertingkatkan dan dikemaskini sentiasa supaya ia selaras dengan keperluan pendidikan semasa.

Jadual 3 : Menunjukkan taburan kekerapan dan peratus bagi aspek kemahiran

Item	Konstruk Tahap Kemahiran	STS % (Bilangan)	TS % (Bilangan)	KS % (Bilangan)	S % (Bilangan)	SS % (Bilangan)
C1	Saya mahir dalam melaksanakan pentaksiran secara formatif dan sumatif untuk Sejarah.	0 % (0)	0.7% (1)	14% (19)	62.5% (85)	22.8% (31)
C2	Saya mahir dalam mentadbir instrumen pentaksiran UASA yang disediakan oleh KPM.	0% (0)	0.7% (1)	14% (19)	56.6% (77)	28.7% (39)
C3	Saya mahir dalam membina instrumen pentaksiran mengikut tahap murid untuk Sejarah.	0% (0)	0.7% (1)	11.8% (16)	60.3% (82)	27.2% (37)
C4	Saya mahir dalam menentukan (TP) berpandukan standard prestasi.	0% (0)	0% (0)	12.5% (17)	60.3% (82)	27.2% (37)
C5	Saya mahir dalam merekod dan mencatat pencapaian murid secara sistematik bagi mata pelajaran Sejarah.	0% (0)	0% (0)	11% (15)	56.6% (77)	32.4% (44)
C6	Saya mahir dalam membimbing murid untuk menguasai isi pelajaran bagi menghadapi pentaksiran UASA.	0% (0)	0% (0)	13.2% (18)	58.1% (79)	28.7% (39)

C7	Saya mahir dalam merancang dan melaksanakan intervensi untuk meningkatkan pencapaian murid.	0%	0%	12.5%	52.9%	34.6%
		(0)	(0)	(17)	(72)	(47)
C8	Saya mahir dalam menyemak skrip jawapan murid berdasarkan panduan penskoran yang disediakan oleh KPM.	0%	0%	11%	58.1%	30.9%
		(0)	(0)	(15)	(79)	(42)
C9	Saya mahir dalam melaksanakan moderasi penskoran skrip jawapan murid.	0%	0%	18.4%	62.5%	19.1%
		(0)	(0)	(25)	(85)	(26)
C10	Saya mahir menggunakan SPPB untuk melaporkan markah akhir UASA.	0%	0%	14%	51.5%	34.6%
		(0)	(0)	(19)	(70)	(47)
	Purata Min		4.15			
	Purata SP		0.538			
	Tahap Interpretasi		Tinggi			

4.3. Tahap kesediaan guru Sejarah dari segi sikap terhadap pentaksiran UASA

Jadual 4 menunjukkan tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek sikap terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA dalam bentuk min dan SP. Hasil dapatan menonjolkan bahawa tahap sikap guru Sejarah berada pada tahap yang tinggi (4.25, s.p 0.541). Ini menunjukkan, guru-guru Sejarah mempunyai sikap yang sangat positif terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA. Maklum balas yang diberikan oleh responden bagi setiap item lebih menjurus kepada skala Setuju dan Sangat Setuju. Sebagai contohnya, item D10 'Saya sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi semasa menjalankan pentaksiran dalam mata pelajaran Sejarah' mendapat peratus persetujuan yang tinggi iaitu sebanyak 92.7% (peratus Setuju=51.5% dan peratus Sangat Setuju=41.2%).

Dapatan kajian ini setara dengan hasil kajian yang ditonjolkan oleh [Kausalya dan Faridah \(2022\)](#) iaitu para guru menunjukkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan PBD. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh [Sh. Siti Hauzimah \(2019\)](#) turut mendapati sikap guru di sekolah pedalaman terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap yang tinggi. Walhal begitu, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian [Nurul Huda dan Anuar \(2022\)](#) yang mendapati sikap guru Sejarah berada pada tahap sederhana kerana para guru masih kurang yakin untuk melaksanakan pentaksiran. Cabaran yang dihadapi oleh guru seperti bilangan murid yang ramai dalam kelas dan dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran menyebabkan guru tidak dapat bersedia untuk melaksanakan PBD.

Jadual 4 : Menunjukkan taburan kekerapan dan peratus bagi aspek sikap

Item	Konstruk Tahap Sikap	STS % (Bilangan)	TS % (Bilangan)	KS % (Bilangan)	S % (Bilangan)	SS % (Bilangan)
D1	Saya tidak bimbang melaksanakan pentaksiran UASA bagi mata pelajaran Sejarah.	0%	0%	14%	57.4%	28.7%
		(0)	(0)	(19)	(78)	(39)

D2	Saya sentiasa menjadikan DSKP dan Buku Panduan PBD Edisi Kedua sebagai rujukan dalam menjalankan pentaksiran.	0% (0)	0% (0)	8.8% (12)	59.6% (81)	31.6% (43)
D3	Saya sentiasa merancang dan melaksanakan intervensi untuk meningkatkan pencapaian murid.	0% (0)	0% (0)	9.6% (13)	53.7% (73)	36.8% (50)
D4	Saya bersedia untuk menimba ilmu dengan menghadiri kursus dan bengkel berkaitan pentaksiran UASA.	0% (0)	0% (0)	10.3% (14)	50.7% (69)	39% (53)
D5	Saya sentiasa melaksanakan pentaksiran secara adil dan telus dalam mata pelajaran Sejarah.	0% (0)	1.5% (2)	10.3% (14)	52.2% (71)	36% (49)
D6	Saya sentiasa menyimpan rekod pentaksiran murid secara sistematik.	0% (0)	0% (0)	11% (15)	54.4% (74)	34.6% (47)
D7	Saya menyemak skrip jawapan murid berdasarkan panduan penskoran yang disediakan oleh KPM.	0% (0)	0% (0)	8.8% (12)	58.1% (79)	33.1% (45)
D8	Saya sentiasa berbincang dengan guru Sejarah lain bagi menambah baik amalan pentaksiran.	0% (0)	0% (0)	9.6% (13)	55.1% (75)	35.3% (48)
D9	Saya bertanggungjawab memastikan murid-murid bersedia untuk menduduki UASA pada akhir sesi akademik.	0% (0)	0% (0)	8.8% (12)	52.9% (72)	38.2% (52)
D10	Saya sentiasa komited dalam melaksanakan pentaksiran Sejarah.	0% (0)	0% (0)	7.4% (10)	51.5% (70)	41.2% (56)
	Purata Min		4.25			
	Purata SP		0.541			
	Tahap Interpretasi		Tinggi			

4.4. Hubungan antara aspek pengetahuan dengan sikap guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran UASA

Menerusi [Jadual 5](#), ujian korelasi Pearson menunjukkan kesediaan daripada aspek pengetahuan mempunyai hubungan yang ketara dan kuat dengan kesediaan guru dari segi sikap terhadap pentaksiran UASA ($r=0.797$, $p<0.001$). Oleh itu, hipotesis Nul (H_0) bagi kajian ini iaitu "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pengetahuan dengan sikap guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran UASA" ditolak. Titik tolak daripada itu dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan guru memainkan peranan yang signifikan dalam melonjakkan sikap guru dalam melaksanakan UASA. Sekiranya

pemahaman guru terhadap pentaksiran UASA ini kurang, maka ini sekaligus akan memberi kesan negatif kepada sikap guru. Dapatan ini selari dengan dapatan yang dikemukakan oleh Ng et al. (2023) iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pengetahuan dengan aspek pelaksanaan PBD oleh guru.

Jadual 5 : Ujian korelasi antara aspek pengetahuan dan sikap

		Sikap
Pengetahuan	Korelasi Pearson (r)	.797**
	Sig. (2-hujung)	<.001
	N	136

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

5. Kesimpulan

Secara ringkasnya, kajian ini memainkan peranan yang dominan dalam meninjau tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan pentaksiran UASA. Kajian ini turut membuktikan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pengetahuan dengan sikap guru dalam melaksanakan pentaksiran UASA ataupun sebaliknya. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru sejarah berada pada tahap yang tinggi. Hasil ujian korelasi pearson membuktikan bahawa aspek pengetahuan mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan dengan aspek sikap guru Sejarah terhadap pentaksiran UASA. Dapatan kajian ini mengutarakan bahawa guru Sejarah amat komited untuk melaksanakan pentaksiran UASA dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap secara sepenuhnya.

Kajian ini telah membantu guru-guru untuk menilai tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pentaksiran UASA. Guru sebagai agen pelaksana perlulah bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap agar dapat menjamin pelaksanaan pentaksiran yang berkesan dan berkualiti selaras dengan hasrat KPM. Kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran kepada pemegang taruh seperti KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) mengenai pelaksanaan pentaksiran UASA di sekolah. KPM, JPN dan LPM perlu mengadakan bengkel dan latihan secara kerap bagi menambahbaik amalan pentaksiran guru secara optimum.

Kajian ini juga dapat meluaskan lagi bahan ilmiah yang berkaitan dengan pelaksanaan pentaksiran UASA bagi menambah lagi pengetahuan mengenainya. Hal ini kerana, tiada kajian lagi dibuat secara terperinci untuk dijadikan sebagai panduan bagi mengkaji kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran UASA. Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini akan menambahkan lagi bahan literatur dan menyediakan maklumat yang terkini kepada pengkaji lain yang ingin membuat kajian berkaitan pentaksiran UASA. Dalam pada itu, pengkaji hanya memilih reka bentuk kuantitatif untuk melaksanakan kajian ini kerana kekangan masa dan sumber. Lantaran, pengkaji lain boleh mengilhamkan dapatan kajian ini dan boleh meneruskan pelaksanaan kajian ini dengan menggabungkan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia dan pensyarah yang memberikan bimbingan dan motivasi bagi menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua responden yang sudi meluangkan masa dengan menjawab soal selidik untuk menyempurnakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Amie Doris Dorin & Ruhizan Mohammad Yasin. (2019). Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD). *Proceedings of the International Conference of Future Education and Advances (ICOFEA) 2019*, 8-15. Pertubuhan Penyelidikan Dan Pendidikan Pendidik Malaysia.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamood. (2015). Tahap kemahiran guru bahasa melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 18-29.
- Bond, T., & Fox, C. (2015). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (3rd ed.). Routledge.
- Chua, Y. P. (2012). *Asas statistik penyelidikan (Edisi Kedua)*. Mc Graw Hill.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)*. Pearson Education.
- Fara Izzati Marnizam & Siti Rahaimah Ali. (2021). Penilaian pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam kalangan guru Matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(2), 81-94.
- Gebremariam, H. T., & Gedamu, A. D. (2023). Primary school teachers' assessment for learning practice for students' learning improvement. *Front. Educ.*, 8, 1145195. doi: 10.3389/educ.2023.1145195
- Halimah Jamill & Rozitah Radhiah Said. (2019). Pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan bahasa Melayu dalam pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 25-36.

- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2006). *Implementing change: Patterns, principles, and potholes*. Allyn and Bacon.
- Kalai Selvan Arumugham. (2020). Curriculum, teaching and assessment in the perspective of classroom assessment. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.
- Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kuty. (2022). Sikap guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001522. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1522>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lembaga Peperiksaan. (2014). *Panduan pengurusan pentaksiran berasaskan sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mahaya Salleh, Azizah Sarkowi, Mohd Fairuz Jafar, Zakaria Mohd Arif & Hariyanti Abd Hamid. (2019). Tahap literasi guru terhadap pendekatan dalam pentaksiran bilik darjah. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 9, 12-24.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria (2020). Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 9-17.
- Mohd Safarin Nordin & Nur Hidayah Ismail. (2014). Kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. *International Seminar on Technical and Vocational Education (TVEIS2014) 2014*, 475-483.
- Ng, P. J., Saemah Rahman & Shahlan Surat. (2023). Tahap pengetahuan, kemahiran dan kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002339. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2339>
- Nur Fatahiyah Mohamed Hata & Siti Nur Diyana Mahmud. (2020). Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan pendidikan STEM dari aspek pengetahuan, sikap dan pengalaman mengajar. *Akademika 90*(Isu Khas 3), 2020, 85-101.
- Nurul Huda Mohd Faudzi & Anuar Ahmad. (2022). Kesediaan guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam *International Conference on Business Studies and Education (ICBE), Mac 2022*.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(3), 56-67.
- Suhaida Mohd Sahid & Shahabuddin Hashim. (2022). Sikap guru Sejarah terhadap kemahiran pemikiran sejarah (KPS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001898. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1898>
- Zanariah Abd Mutalib. (2022, Jun 2). Ada ujian akhir sesi sekolah rendah, menengah rendah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/961988/ada-ujian-akhir-sesi-sekolah-rendah-menengah-rendah>